



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

MAKLUM BALAS BERKENAAN MESEJ PALSU YANG TULAR DALAM APLIKASI WHATSAPP BERKENAAN LESEN BERAS KEPADA BERNAS DITARIK BALIK

PUTRAJAYA, 12 Oktober 2023 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ingin memberikan maklum balas berkenaan mesej palsu yang ditularkan dalam aplikasi WhatsApp berkenaan lesen beras kepada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) ditarik balik pada hari ini.

Kerajaan tidak menarik atau membatalkan konsesi beras kepada BERNAS yang telah dipersetujui selama 10 tahun bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031. Konsesi ini turut melibatkan 10 obligasi sosial BERNAS termasuklah menyediakan stok penimbal beras negara.

Manakala, berkenaan tuduhan bahawa penguatkuasaan tidak dijalankan, adalah ditegaskan bahawa *Task Force* Khas Bersepadu Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT) sedang berjalan melalui kerjasama rentas agensi melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Bahagian Penguat Kuasa KPDN, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan diketuai oleh YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Sehingga kini, terdapat dua (2) kilang telah disita dan disiasat di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522].

Susulan itu, satu aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah dibuat bagi siasatan terperinci. Pihak Kementerian menasihati orang ramai supaya tidak mempercayai mesej palsu berkenaan dan menyeru agar perbuatan menyebarkan mesej palsu ini dihentikan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

12 OKTOBER 2023